

# Kesedaran rakyat, penguat kuasa kurangkan peratus sungai kotor

**?** SEPANJANG pemerhatian saya, penguatkuasaan yang lemah agensi berkaitan adalah punca RM40 juta wang rakyat dibelanjakan untuk membersihkan sampah di sungai sekali gus menyumbang kepada kekotoran pada kualiti air.

**AIR OH AIR**  
*Klang, Selangor*



pepejal kilang, hakisan tanah serta pembuangan minyak dan sisa jualan kedai makan yang tidak terkawal.

Faktor itu mengakibatkan sungai menjadi kotor dan tercemar, sekali gus menyebabkan kos untuk membersihkan dan merawat air sungai meningkat.

Mengikut rekod JAS, daripada 570 sungai yang dipantau di seluruh negara pada 2010, sebanyak 293 sungai (51.4 peratus) dikategorikan sebagai bersih, 203 sungai (35.6 peratus) sedikit tercemar dan baki 74 sungai (13 peratus) tercemar.

Bagaimanapun pada 2011, peratusan sungai yang dikategorikan bersih meningkat kepada 59.3 peratus, manakala kategori sedikit tercemar menurun kepada 32.3 peratus dan tercemar menurun kepada 8.4 peratus.

Penurunan ini dapat dilihat dengan adanya aktiviti penguatkuasaan pihak bertanggungjawab disamping kesedaran rakyat dan kita terus berusaha pada 2012 untuk meningkatkan peratusan sungai bersih dan menurunkan peratusan sungai tercemar.

Bagi mencapai hasrat itu, menerusi program 'Rivers of life' dianjurkan Kementerian baru-baru ini, kita sudah membina 300 penapis sungai yang akan berperanan menahan serta mengawal sampah daripada memasuki serta mencemar sungai.

**DATUK SERI DOUGLAS**  
**UGGAH EMBAS,**  
*Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.*



**SUARA Komuniti** mengetengahkan masalah rakyat dan akhbar ini akan membantu pembaca mendapatkan maklum balas pihak berwajib. Sila hantarkan aduan anda ke Suara Komuniti Berita Harian, 31 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur atau e-mel ke [suarakomuniti@bharian.com.my](mailto:suarakomuniti@bharian.com.my).